

UTUSAN MALAYSIA

21/04/2014

### **Pembinaan Hospital UniSZA Sept.**

KUALA TERENGGANU 20 April - Pembinaan projek Hospital Pengajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di kampusnya di Gong Badak dekat sini yang menelan kos RM150 juta dijangka bermula September ini.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim berkata, sebaik sahaja beberapa isu teknikal selesai, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijangka melakukan upacara pecah tanah yang bakal melakar satu lagi sejarah perkembangan institusi itu.

Beliau berkata, ketika ini, projek tersebut dalam proses pengurusan nilai yang dijalankan secara bersama dengan beberapa pihak lain termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) serta kementerian yang berkenaan.

"Pembinaan hospital ini dijangka mengambil masa sekurang-kurangnya tiga tahun kerana kita akan buat dalam dua fasa dengan anggaran awal RM150 juta," katanya di sini baru-baru ini.